

HUBUNGAN TEORI BRONFENBRENNER DALAM PEMBENTUKAN DISIPLIN MURID BERKEPERLUAN KHAS PENDENGARAN DI ASRAMA SK. PENDIDIKAN KHAS

[RELATIONSHIP OF BRONFENBRENNER'S THEORY IN THE DISCIPLINARY FORMATION AMONG SPECIAL EDUCATION STUDENTS WITH HEARING IMPAIRMENT IN SPECIAL EDUCATION PRIMARY SCHOOLS]

SHAZLIN SULAIMAN^{1*} & MOHD HANAFI MD YASIN

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
Corespondent Email: mhmy6365@ukm.edu.my

Received: 12 May 2022

Accepted: 13 June 2022

Published: 21 June 2022

Abstrak: Persekutuan yang melingkari kehidupan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran memainkan peranan penting dalam membentuk tingkah laku mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan Teori Ekologi Bronfenbrenner dalam pembentukan tingkah laku Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) Pendengaran di asrama Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada faktor persekitaran asrama dapat mempengaruhi disiplin dan tingkah laku MBPK Pendengaran. Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dan bantuan kepada guru-guru dalam mengenali punca pembentukan disiplin dan tingkah laku MBPK Pendengaran seterusnya dapat meningkatkan sahsiah dan mengekang masalah disiplin yang semakin meruncing. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah temu bual berstruktur dilaksanakan untuk mengkaji persekitaran asrama mempengaruhi pembentukan tingkah laku MBPK Pendengaran. Kajian ini menggunakan Teori Ekologi Bronfenbrenner untuk menekankan faktor persekitaran mempengaruhi pembentukan tingkah laku MBPK Pendengaran. Responden kajian terdiri daripada empat orang MBPK Pendengaran berumur di antara dua belas hingga sembilan belas tahun yang sedang dan pernah tinggal di asrama. Data kajian ini diperoleh dengan analisis kandungan temu bual menggunakan kaedah pengekodan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan. Pengkaji juga menjalankan pemerhatian dan mengambil nota lapangan sepanjang sesi temu bual dengan responden. Daripada dapatan kajian mendapati faktor persekitaran mempengaruhi pembentukan personaliti dan tingkah laku MBPK Pendengaran yang tinggal di asrama Sekolah pendidikan khas. Persekutuan yang penuh dengan sikap-sikap positif dan disiplin kendiri yang tinggi akan melahirkan MBPK Pendengaran yang bersikap positif dan mempunyai disiplin kendiri yang tinggi.

Kata kunci: Teori Bronfenbrenner; Disiplin; MBPK Pendengaran; Asrama; faktor persekitaran; Teori Ekologi; Pembentukan disiplin.

Abstract: The environment that surrounds the lives of students with Special Education (SPED). Hearing plays an important role in shaping their behaviour. The study was conducted to study the relationship of Bronfenbrenner's Ecological Theory in the formation of behaviour of students with special needs in hearing at dormitories of Special Education Primary School. The objective of the study is to identify whether the dormitories environment factor can affect the discipline and behaviour of the SPED student with hearing. This study is expected to provide guidance and assistance to the teachers in recognizing the cause of the formation of the discipline and behaviour of the SPED student with hearing impairment by enhancing the personality and restraining the increasingly tapered disciplinary problems. The design

of the study used a qualitative approach. Structured interview methods are implemented to study the effect of dormitories environment to the formation of personality and behaviour of SPED student with hearing impairment. This study uses Bronfenbrenner's Ecological Theory to emphasize environmental factors affecting the formation of individual behaviour of SPED student with hearing impairment. The respondents of the study consisted of four hearing disabilities students aged between twelve to nineteen that had and is living in the school dormitories. This study data is obtained with an analysis of interviews using the coding method once the first data collection is conducted. Researchers also conduct observations and take field notes throughout the interview session with respondents. From the findings of the study found that the environmental factor affects the formation of the personality and behavioural of the SPED students with hearing impairment that live in the Special Education School Dormitory. The environment with full of positive attitudes and high self-discipline will produce SPED students with hearing impairment which is positive and has a high self-discipline.

Keywords: Bronferbrenner theory; Discipline; MBPK Hearing; Hostel; environmental factors; Ecology theory; Discipline formation.

Cite This Article:

Shazlin Sulaiman & Mohd Hanafi Md Yasin. (2022). Hubungan Teori Bronfenbrenner dalam Pembentukan Disiplin Murid Berkeperluan Khas Pendengaran di Asrama Sk. Pendidikan Khas [Relationship of Bronfenbrenner's Theory in The Disciplinary Formation Among Special Education Students with Hearing Impairment in Special Education Primary Schools]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(3), 113-127.

PENGENALAN

Tumbesaran dan perkembangan bayi tipikal atau bukan tipikal akan melalui lima fasa utama iaitu bermula dari bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa dan menjadi tua (Slater & Bremner 2017). Interaksi dengan orang sekeliling dan persekitaran sangat penting terutama pada peringkat kanak-kanak. Menurut Ibn Khaldun (2002) daya pemikiran manusia boleh dibentuk oleh persekitaran tumbesaran mereka. Pendapat ini disokong oleh Berk et.al., (2017), sepanjang proses tumbesaran, pengalaman yang diperoleh pada peringkat kanak-kanak merupakan titik permulaan dalam mempengaruhi perkembangan dan pemikiran kanak-kanak tersebut.

Menurut teori pembelajaran sosial Bandura (1977) tindakan yang diambil oleh seseorang individu itu merupakan hasil interaksi tiga faktor utama iaitu manusia, persekitaran dan tabiat manusia. Bandura turut menekankan bahawa keperibadian manusia adalah hasil yang dimainkan oleh persekitaran. Menurut teori ini kanak-kanak akan membentuk nilai, perasaan dan tingkah laku melalui pemerhatian terhadap gaya hidup, tingkah laku dan budaya masyarakat di sekelilingnya. Tingkah laku kanak-kanak dan remaja terhasil daripada peniruan (Bandura, 1977).

Berne (1964) mengatakan bahawa persekitaran boleh mempengaruhi personaliti, tingkah laku, pemikiran dan perasan manusia terutama apabila terdapat desakan dan tekanan daripada orang yang rapat seperti ibu bapa, keluarga, rakan sebaya dan masyarakat. Perkara ini akan mempengaruhi pemikiran dan pertimbangan MBPK Pendengaran dalam membuat keputusan. Namun begitu MBPK Pendengaran tidak sepenuhnya terpengaruh dalam membuat sesuatu keputusan kerana mereka seharusnya mempunyai pendapat dan pemikiran tersendiri. Kepesatan perkembangan teknologi menambah lagi kecenderungan sebahagian MBPK Pendengaran untuk terjebak dalam zon yang membawa ke arah kerosakan diri dan ke kemelut

sosial yang agak membimbangkan. Segelintir MBPK Pendengaran suka bertindak melulu sehingga terkeluar daripada norma masyarakat dan tidak memikirkan kesan-kesan di sebalik perbuatan mereka. Perkara ini akan menyebabkan berlakunya pertambahan masalah disiplin dan tingkah laku dalam kalangan MBPK Pendengaran. Masalah disiplin dan tingkah laku dalam kalangan MBPK Pendengaran semakin serius dan meruncing walaupun pelbagai kaedah telah digunakan untuk mengatasinya namun kemelut untuk masalah ini tetap belum selesai.

Berpandukan permasalahan ini pengkaji memfokuskan isu MBPK Pendengaran terhadap pengaruh persekitaran asrama. Faktor persekitaran sosial membawa pengaruh yang paling kuat dalam mempengaruhi tingkah laku dalam kalangan pelajar (Rozmi, 2017). MBPK Pendengaran mula membuat jaringan dan berinteraksi dengan rakan di luar persekitaran keluarga ketika tinggal di asrama. Pada ketika ini MBPK Pendengaran melalui fasa peralihan daripada hanya berinteraksi sosial bersama anggota keluarga kepada berperanan dan berkedudukan seperti orang dewasa. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan faktor persekitaran asrama ke atas masalah disiplin dan juga tingkah laku MBPK Pendengaran di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas.

Pengaruh persekitaran dan rakan-rakan adalah paling penting dalam perkembangan personaliti MBPK Pendengaran. Sekiranya persekitaran yang wujud untuk mereka sebuah persekitaran yang harmoni, positif dan berdisiplin, maka personaliti mereka akan cenderung ke arah yang lebih positif (Norhisham, 2018). Sebagai contoh sekiranya MBPK Pendengaran bergaul dengan rakan-rakan yang gemar belajar dan rajin membuat kerja sekolah sudah pastinya mereka akan terikut-ikut tabiat tersebut secara tidak langsung dapat meningkatkan pencapaian akademik mereka seterusnya dapat membentuk disiplin yang lebih baik. Seterusnya kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dan bantuan kepada guru-guru, ibu bapa dan masyarakat dalam mengenali personaliti MBPK Pendengaran seterusnya dapat meningkatkan sahsiah dan mengekang masalah disiplin MBPK Pendengaran.

Terdapat beberapa batasan dalam kajian ini antaranya sampel merupakan MBPK Pendengaran yang memiliki perbendaharaan katanya agak terhad. Oleh yang demikian instrumen soal selidik yang sepatutnya boleh dilaksanakan melalui borang kaji selidik terpaksa ditukar kepada soalan temu bual. Perkara ini berlaku kerana berkemungkinan MBPK Pendengaran ini tidak memahami persoalan yang terdapat dalam instrumen tersebut. Selain itu kekurangan kajian lepas juga menjadi limitasi sepanjang kajian ini dijalankan. Kajian lampau yang melibatkan MBPK Pendengaran sangat berkurangan dan agak sukar untuk dicari. Pengkaji terpaksa menyesuaikan kajian yang telah dijalankan ke atas kanak-kanak tipikal untuk digunakan dalam kajian ini.

TINJAUAN LITERATUR

Teori Ekologi Bronfenbrenner

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979, 1989) menekankan bahawa pengaruh persekitaran memainkan peranan penting dalam perkembangan individu. Menurut Bronfenbrenner (1979) kanak-kanak berkembang dengan berinteraksi dengan lama persekitaran mereka. Oleh sebab itu pentingnya untuk mewujudkan persekitaran yang selamat dan dipercayai supaya proses perkembangan kanak-kanak dipengaruhi dengan persekitaran yang positif. Teori Ekologi

Bronfenbrenner mengatakan yang kanak-kanak berada di ruang lingkup mikro yang boleh dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Bronfenbrenner melalui teori yang dibangunkan menyatakan terdapat lima sistem dalam perkembangan individu iaitu mikrosistem, mesosistem, ekosistem, makrosistem dan kronosistem.

Mikrosistem

Mikrosistem membawa maksud persekitaran terdekat dengan dunia kanak-kanak (Bronfenbrenner, 1989). Menurut Bronfenbrenner lagi Mikrosistem mewakili hubungan dan interaksi antara kanak-kanak dengan ibu bapa namun apabila di asrama rakan-rakan dan penjaga pula yang memainkan peranan ini. Mikrosistem juga dimaksudkan dengan persekitaran terdekat di mana kanak-kanak menghabiskan masa paling banyak bersama dan berinteraksi secara langsung. Pada ketika ini juga tindak balas dan tingkah laku kanak-kanak akan mempengaruhi sikap orang di sekeliling ke atas mereka. Kanak-kanak akan mendapat respons yang positif daripada orang di sekeliling jika mereka berkelakuan baik dan akan mendapat respons yang negatif daripada orang di sekeliling orang di sekeliling mereka jika kanak-kanak tersebut berkelakuan negatif. Selain itu keharmonian dalam hubungan orang di sekeliling juga memainkan peranan dan memberi kesan ke atas perkembangan kanak-kanak.

Mesosistem

Menurut Bronfenbrenner (1989) Mesosistem merupakan sistem kedua di dalam Teori Ekologi yang mempengaruhi perkembangan kanak-kanak, melibatkan interaksi antara ibu bapa dengan pengasuh, ibu bapa dengan jiran, ibu bapa dengan sekolah dan sekolah dengan jiran-jiran. Interaksi ibu bapa dengan sekolah atau asrama sangatlah penting bagi menjamin dan mengawal tingkah laku kanak-kanak selain untuk mewujudkan persekitaran yang positif. Pada ketika ini juga hubungan dan keharmonian serta keadaan di tempat tinggal kanak-kanak sangat penting kerana boleh mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak tersebut ketika di sekolah (Bronfenbrenner, 1989). Oleh yang demikian tidaklah mustahil jika kanak-kanak membawa tingkah laku bermasalahnya di tempat tinggal ke sekolah. Sebagai contoh kanak-kanak yang menjadi mangsa didera atau buli akan menunjukkan kelakuan seperti kemurungan, terganggu dan trauma ketika di sekolah.

Ekosistem

Lapisan ketiga digelar ekosistem yang digambarkan sebagai satu organisasi yang tidak melibatkan kanak-kanak namun masih memberi pengaruh kepada kanak-kanak tersebut (Bronfenbrenner, 1989). Sebagai contoh perpindahan tempat tinggal, keputusan tersebut dibuat oleh ibu bapa tanpa meminta pendapat dan persetujuan kanak-kanak tersebut. Perubahan pada persekitaran sudah pastinya memberi kesukaran kepada kanak-kanak tersebut untuk menyesuaikan diri dengan tempat dan persekitaran baharu (Bronfenbrenner, 1989). Walaupun keputusan dibuat tanpa mengambil kira pendapat dan persetujuan kanak-kanak, namun keputusan yang dibuat tetap memberi kesan kepada mereka. Secara ringkasnya ekosistem merupakan persekitaran yang tidak melibatkan kanak-kanak secara langsung.

Makrosistem

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1989) menerangkan bahawa Makrosistem membawa maksud perubahan persekitaran dalam tempoh masa tertentu. Sebagai contoh pada suatu ketika dahulu kanak-kanak lebih suka bermain di persekitaran rumah dengan permainan-permainan yang melibatkan aktiviti fizikal. Namun begitu situasi sudah mula berubah kanak-kanak lebih banyak menghabiskan masa di dalam rumah dengan permainan digital. Selain itu mikrosistem juga dimaksudkan dengan pengaruh yang diperolehi dari budaya dan norma masyarakat. Budaya dan norma tersebut berbeza mengikut tempat mahu pun negara.

Kronosistem

Kronosistem merupakan perubahan mengikut pengedaran masa (Bronfenbrenner, 1989). Misalnya perubahan dalam bilangan ahli keluarga sama ada menambah bilangan ataupun berkurangan disebabkan kematian. Perubahan ini sudah pastinya memberi kesan kepada perkembangan kanak-kanak tersebut.

Kajian Persekitaran Asrama dengan masalah disiplin dan tingkah laku.

Izzah et al., (2015) memetik tokoh barat terkenal Crow yang berpandangan bahawa personaliti merupakan perwatakan fizikal, corak pertuturan dan daya penarik yang dimiliki oleh setiap individu. Namun begitu, menurut Guilford pula, personaliti berfungsi kepada empat deria. Tokoh barat Eysenck, (1947, 1965) memberikan definisi personaliti sebagai kestabilan organisasi diri yang wujud di antara motivasi individu, persekitaran sosial dan fizikal. Personaliti juga disifatkan sebagai efektif, sentimen, kompleks, mekanisme, watak dan tingkah laku.

Menurut Gazali darul Salam (2003) personaliti mengikut pengertian Bahasa Arab membawa maksud sahsiah atau akhlak. Definisi personaliti dalam kitab “*Lisan al-Arab*” yang ditulis oleh Ibnu Manzur mengatakan bahawa personaliti juga dikenali sebagai akhlak atau tingkah laku yang telah menjadi tabiat dan personaliti seperti gambar yang menunjukkan luaran dan dalaman seseorang. Uthman (1985) berpendapat bahawa personaliti merupakan satu organisasi yang tersusun dalam diri seseorang individu dan boleh menyesuaikan diri dengan persekitaran.

Persekitaran yang dikaji merupakan persekitaran asrama yang dirujuk dari sudut ekologi seperti kemudahan fizikal, hubungan dengan penghuni asrama ataupun suasana di asrama berkenaan. Menurut Asmawati et al., (2015) Teori Pavlov menekankan tentang pengalaman awal semasa kecil amat penting namun dendaan daripada orang sekeliling juga turut memberi kesan kepada pembentukan personaliti seterusnya mengubah tingkah laku individu. Kenyataan ini disokong oleh Haseena (2016) yang menyatakan persekitaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi personaliti dan tingkah laku seseorang individu. Rozmi et al., (2017) juga menyokong kenyataan di atas dengan mengatakan persekitaran sosial adalah faktor utama yang memberi pengaruh dan membawa kesan ke atas tingkah laku remaja.

Hubungan kanak-kanak dengan persekitaran terutama hubungan di antara ibu bapa, guru dan rakan-rakan sangat penting bagi membantu perkembangan psikologi kanak-kanak

tersebut (Rohayati et al., 2018). Faktor persekitaran mempengaruhi individu dalam membentuk watak, cara berfikir sikap dan pembangunan individu itu sendiri (Muhammad, 2018). Berdasarkan kajian-kajian telah yang dijalankan sebelum ini menunjukkan faktor persekitaran merupakan elemen yang penting dalam membentuk tingkah laku individu. Oleh sebab itu mewujudkan persekitaran yang positif sangat penting bagi memastikan kanak-kanak dapat membentuk tingkah laku yang positif. Memiliki tingkah laku yang baik akan membentuk disiplin yang baik. Pembentukan tingkah laku yang baik penting supaya kanak-kanak dapat menyeimbangkan kehidupan mereka pada masa akan datang.

REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah temu bual berstruktur dilaksanakan untuk mengkaji hubungan antara personaliti dan faktor persekitaran asrama ke atas masalah disiplin dan juga tingkah laku MBPK Pendengaran. Temu bual ialah pertemuan antara pengkaji dengan sampel kajian untuk memahami pandangan sampel mengenai pengalaman, kehidupan ataupun status sosial dalam bahasa sampel itu sendiri (Taylor & Bogdan, 1984). Teori Ekologi Bronfenbrenner digunakan untuk menekankan faktor persekitaran mempengaruhi masalah disiplin dan tingkah laku MBPK Pendengaran.

Kajian ini dijalankan di sebuah asrama SK Pendidikan Khas. Penghuni asrama tersebut terdiri daripada MBPK Pendengaran sekolah menengah dan sekolah rendah yang berumur di antara 6 sehingga 19 tahun. Penghuni asrama ini datang dari pelbagai lapis masyarakat yang berbeza latar belakang. Namun mereka dihimpunkan kerana kedudukan rumah jauh dari sekolah. Ada juga di antara mereka yang hidup dalam keadaan serba kekurangan sehingga tidak memiliki pengangkutan untuk ke sekolah setiap hari. Sampel kajian terdiri daripada empat orang MBPK Pendengaran 2 dari sekolah menengah dan dua dari sekolah rendah yang masih tinggal di asrama. Sampel dipilih secara rawak namun masih lagi menekan kemampuan komunikasi sampel dengan pengkaji.

Instrumen kedua menggunakan item temu bual persekitaran asrama diadaptasi daripada kajian Norhisham Muhamad (2018). Soalan temu bual terbahagi kepada 2 bahagian. Bahagian pertama demografi responden. Bahagian kedua bagi menjawab persoalan kajian apakah faktor persekitaran asrama dapat mempengaruhi disiplin dan tingkah laku MBPK Pendengaran?

Jadual 3.1 : Persoalan kajian dan instrumen

Persoalan Kajian	Instrumen
PK1. Apakah hubungan Teori Ekologi Bronfenbrenner dalam pembentukan disiplin MBPK Pendengaran di asrama.	Temu bual, Pemerhatian dan Nota Lapangan

Pengkaji mungkin menerima respons yang berbeza untuk setiap sampel. Oleh yang demikian, pengkaji perlu meminta fakta yang dikemukakan oleh sampel disertakan dengan keterangan lanjut atau contoh yang jelas bagi membantu pengkaji memproses data nanti. Selain

itu pengkaji juga boleh menggunakan kaedah catatan harian dalam nota lapangan setiap kali selesai sesi temu bual. Pengkaji digalakkan untuk menulis semula hasil temu bual supaya maklumat yang diterima tidak keciciran. Memandangkan pengkaji bakal berhadapan dengan sampel MBPK Pendengaran, pengkaji digalakkan untuk merekodkan sesi temu bual dalam bentuk video untuk mendapatkan maklumat yang tidak terungkap seperti bahasa tubuh, memek muka dan senyuman kerana berkemungkinan keterangan yang diberi tidak seperti yang ucapan. Data kajian ini diperoleh dengan analisis kandungan temu bual menggunakan kaedah pengekodan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan. Data-data yang diterima dan dikodkan hendaklah disusun dalam bentuk jadual secara sistematis.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini merangkumi pelbagai sumber analisis. Persoalan kajian Apakah faktor persekitaran asrama dapat mempengaruhi disiplin dan tingkah laku MBPK Pendengaran? digunakan sebagai garis panduan untuk membincangkan dapatan kajian yang diperlukan. Pengkaji telah menemu bual empat orang responden yang merupakan MBPK Pendengaran. Kajian ini dijalankan di sebuah sekolah pendidikan khas selatan tanah air. Bagi mendapatkan pandangan dan persekitaran yang berbeza pengkaji telah menemu bual dua responden yang tinggal di asrama lelaki dan dua responden yang tinggal perempuan. Responden A (RA) seorang MBPK Pendengaran Perempuan yang telah tinggal di asrama sejak berumur tujuh tahun. Responden B (RB) pula merupakan seorang MBPK Pendengaran lelaki yang tinggal di asrama sejak berumur lima tahun. Responden C (RC) merupakan seorang MBPK Pendengaran perempuan yang telah tinggal dia asrama sejak berumur tujuh tahun. Manakala responden D (RD) pula merupakan seorang MBPK Pendengaran lelaki yang telah tinggal di asrama sejak berumur enam tahun. Sehingga kini mereka masih lagi tinggal di asrama dan berumur di antara dua belas hingga lapan belas tahun.

Dapatan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian :

- 1) Apakah hubungan Teori Ekologi Bronfenbrenner dalam pembentukan disiplin MBPK Pendengaran di asrama.

Bagaimakah hubungan kamu bersama rakan-rakan di asrama?

Keempat-empat Responden A, Responden B, Responden C, dan Responden D mewakili 100% menyatakan mereka mempunyai hubungan yang baik dengan rakan-rakan di asrama. Responden A, B dan D menjawab dengan penuh keyakinan. Dari air muka dan gerak tubuh memang jelas yang mereka mempunyai hubungan yang baik dengan rakan-rakan di asrama. Manakala Responden C daripada bahasa tubuhnya dapat dilihat tidak berapa yakin dengan jawapannya.

“...ya kawan-kawan semua baik, tapi..kadang-kadang kakak-kakak suka marah saya...” RC (1) MS3

“...hubungan saya dan kawan saya sangat baik, mereka selalu tololng saya, kami makan bersama-sama solat bersama dan bermain bersama. Saya sayang kawan-kawan saya...” RA (1) MS1

Bagaimakah hubungan kamu dengan pembantu pengurusan murid?

100% responden bersetuju yang mereka mempunyai hubungan yang baik dengan kesemua Pembantu Pengurusan Murid (PPM). PPM bertanggungjawab menjaga dan membantu MBPK Pendengaran menjalankan kegiatan harian mereka ketika di asrama.

“...saya dengan semua kakak PPM baik. Kakak PPM selalu tololng saya buat kerja sekolah, cucikan baju dan gosokkan baju...” RA (2) MS1

“...ya. saya hubungan yang baik dengan kakak PPM. Kakak PPM banyak bantu saya dan rakan-rakan di asrama. Kadang-kadang ada juga kakak bebel sebab kami degil...” RB (1) MS2

Bagaimana pula hubungan kamu dengan warden asrama?

100% responden bermaksud ke empat-empat responden A,B,C dan D bersetuju yang mereka mempunyai hubungan yang baik dengan warden. Responden menjawab dengan penuh keyakinan pada riak muka dah bahasa tubuh mereka. MBPK Pendengaran yang tinggal di asrama menghabiskan lebih banyak masa ketika di asrama oleh yang demikian warden dan pihak pengurusan sekolah perlu menggalas tanggungjawab bersama demi memastikan pembangunan diri murid asrama tidak terabai.

“...baik warden selalu jaga kami. Warden bawa kami ke hospital kalau kami sakit...” RB (2) MS63

Siapakah yang sering membantu kamu ketika di asrama?

75% responden iaitu responden A, B dan C menjawab dengan penuh keyakinan yang sering membantu mereka di asrama adalah rakan-rakan mereka. Manakala 25% responden iaitu responden D menjelaskan yang sering membantu responden di asrama adalah pembantu pengurusan murid.

“... saya sering meminta bantuan rakan saya ketika di asrama. Rakan-rakan saya juga sedia memberi saya bantuan. Saya juga selalu tololng rakan-rakan saya yang lain...” RA (3) MS1

“....saya selalu akan minta kakak PPM tololng. Kakak PPM tololng basuh baju, tololng saya gosok baju...” RD (1) MS4

Kamu lebih suka menceritakan masalah kamu dengan kawan, ibu bapa atau guru?

Seramai tiga orang responden yang mewakili 25% memilih untuk menceritakan masalah mereka kepada rakan-rakan. Daripada pemerhatian yang pengkaji lakukan didapati mereka begitu yakin dengan jawapan mereka dan tidak sedikit pun kelihatan ragu-ragu dengan jawapan yang diberikan. Manakala seorang lagi responden yang mewakili 25% memilih untuk menceritakan masalahnya kepada ibunya.

“... saya cerita kepada kawan baik saya, sebab mereka faham saya. Ibu ayah tak faham isyarat...” RC (2) MS3

“...saya selalu cerita dengan ibu saya, sebab ibu boleh beri nasihat kepada saya. Lagi ibu faham isyarat sebab itu saya cerita dengan ibu...” RA (4) MS1

“...Saya cerita dengan kawan. Kawan senang faham. Lagi di asrama ada kawan-kawan ramai...” RB (3) MS2

Antara ibu bapa. Guru dan kawan-kawan nasihat siapakah yang lebih kamu Dengari?

50% responden memilih untuk mendengar nasihat guru berbanding nasihat ibu bapa dan rakan mereka. 25% responden lagi memilih untuk mendengar nasihat rakannya berbanding ibu bapa dan guru mereka. Manakala lagi 25% memilih untuk mendengar nasihat ibu responden memandang ibunya boleh menggunakan kod isyarat dengan baik semasa berkomunikasi dengan responden.

“...guru, saya dengar nasihat guru, sebab guru selalu nasihat yang betul...” RD (2) MS2

“...ibu yang selalu nasihat saya. ibu tahu isyarat jadi ibu faham. Saya percaya ibu kalau kawan, kawan x simpan rahsia, suka gosip ...” RA (5) MS1

“...saya dengar nasihat kawan, kawan baik. Kakak di asrama suka nasihat adik-adik...”RC (3) MS3

Adakah kawan kamu bercakap kasar dengan kamu?

100% responden iaitu keempat-empat responden mengaku yang rakan mereka sering bercakap kasar. Situasi ini biasanya terjadi jika mereka mengganggu rakan mereka atau ketika rakan mereka sedang marah. Perkataan yang sering digunakan oleh rakan mereka ialah ‘bodoh’, ‘gila’ dan mencarut. Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji responden memerlukan jawapan dalam keadaan agak takut-takut. Namun setelah diyakinkan yang jawapan mereka akan dirahsiakan responden mula menegaskan jawapan yang telah diberikan.

“...betul kawan selalu cakap bodoh, kalau saya kacau. Kadang-kadang kawan buat isyarat salah (mencarut)...” RB (4) MS2

“...ada, ada kawan yang suka cakap kasar. Kakak PPM ada marah tapi kawan degil. Kalau kakak PPM tak nampak kawan cakap lagi...” RC (4) MS3

Adakah kawan kamu suka maki hamun ketika marah?

50% responden iaitu dua responden mengaku yang rakan mereka sering memaki hamun dengan menggunakan kod isyarat lucu ketika marah. Manakala 25% iaitu responden A menafikan yang rakannya suka memaki hamun. Manakala responden C pula tidak faham akan perkataan memaki hamun oleh yang demikian, responden tersebut tidak dapat memberikan jawab soalan temu bual tersebut dengan baik. Melalui pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji responden memerlukan jawapan dalam keadaan agak takut-takut. Namun setelah diyakinkan yang jawapan mereka akan dirahsiakan responden mula menegaskan jawapan yang telah diberikan.

“...betul kawan selalu cakap bodoh, kalau saya kacau. Kadang-kadang kawan buat isyarat salah (mencarut)...” RB (5) MS2

“...ya kawan selalu maki hamun kalau marah. Saya sudah nasihat tapi mereka tak mahu dengar. Saya tahu maki hamun salah, dosa...” RD (3) MS4

Adakah kamu akan terpengaruh dengan rakan kamu jika mereka mengajak kamu bermain?

Responden A dan D bersetuju dan mengakui akan terpengaruh dengan ajakan rakannya. Manakala responden B dan C memberikan alasan mengapa mereka bersetuju dengan ajakan rakan mereka.

“...kalau kerja rumah siap, saya boleh main dengan rakan saya. Kalau saya ada kerja sekolah saya tidak main dengan rakan saya. Saya akan buat kerja...” RB (6) MS2

“...kalau saya ada kerja saya tidak ikut kawan bermain. Kalau saya tiada kerja saya ikut kawan saya bermain...” RC (5) MS3

Jika rakan kamu meminta kamu merahsiakan kesalahan disiplin yang dilakukan, adakah kamu akan merahsiakannya?

75% responden bersetuju untuk merahsiakannya. Jawapan yang diberikan penuh dengan riak muka dan bahasa tubuh yang penuh dengan keyakinan. 25% responden diwakili oleh responden C. Responden C menjawab soalan tersebut dengan penuh keraguan pada riak muka dan bahasa tubuhnya.

“...ya, saya akan merahsiakannya, sebab kawan selalu menolong saya. jadi saya mesti tolong kawan...” RA (6) MS1

“...saya akan rahsiakannya, tapi kalau cikgu tanya saya akan beritahu...” RC (6) MS3

“...saya akan rahsiakan, macam tolong kawan sebab takut nanti cikgu marah...” RD (4) MS4

Jika rakan kamu mengajak melakukan kesalahan disiplin adakah kamu akan terpengaruh?

50% responden iaitu responden B dan C tidak akan bersetuju dengan ajakan rakan mereka. Kedua-dua responden ini mempunyai riak muka yang berkeyakinan dan bahasa tubuh yang melambangkan ketegasan dengan jawapan mereka. Manakala 50% responden menjawab soalan ini dengan penuh keraguan. Riak muka mereka tidak menunjukkan keyakinan malah gerak bahasa tubuh mereka menampakkan mereka tidak selesa untuk menjawab soalan.

“...saya tidak akan ikut. Itu salah. Nanti cikgu marah...” RB (7) MS2

“...saya....hmmm....mungkin akan ikut..mungkin tidak ikut...” RD (5) MS4

Apakah yang biasanya kamu lakukan di asrama sebaik sahaja pulang dari sekolah?

100% responden bersetuju mereka akan bersolat jemaah dahulu sebaik sahaja pulang dari sekolah sebelum makan tengah hari bersama-sama di dewan makan asrama. Pada sebelah petangnya pula mereka akan menjalankan aktiviti riadah di padang sekolah dan di sebelah malam aktiviti belajar dan menyiapkan kerja sekolah sehingga pukul 10.00 malam sebelum lampu di tutup menandakan waktu tidur. Setiap aktiviti ini dapat disenaraikan oleh semua responden dengan betul serta riak muka dan bahasa tubuh yang berkeyakinan kerana aktiviti ini menjadi rutin seharian mereka sepanjang menetap di asrama.

“...balik sahaja dari sekolah biasanya kami solat zuhur bersama. Selepas itu kami makan tengah hari dan aktiviti bebas. Selepas solat Asar kami akan melakukan aktiviti riadah petang di padang. Pada waktu malam kami akan berkumpul di bilik belajar untuk membuat kerja sekolah atau mengulang kaji pelajaran...” RA (7) MS1

“...biasanya bila balik sekolah saya dan kawan saya akan solat zuhur. Petang bermain di padang. Malam belajar dan tidur...” RC (8) MS3

Apakah pandangan kamu dengan aktiviti asrama yang telah dijadualkan untuk kamu?

Responden A dan responden B dapat memberikan pendapat mereka dengan baik. Manakala responden C dan responden D tidak dapat memberi pendapat mereka dengan baik kerana kekurangan kemahiran komunikasi. Pada pendapat mereka aktiviti dan jadual asrama yang disusun dapat meningkatkan disiplin mereka. Mereka menjadi lebih menepati masa dan patuh pada undang-undang asrama yang telah ditetapkan. Aktiviti yang diatur juga dapat mengeratkan hubungan sesama penghuni asrama.

“...pada pendapat saya, aktiviti asrama buat saya jadi disiplin. Ikut masa yang telah ditetapkan. Saya juga ikut semua undang-undang dan peraturan asrama...”

RA (8) MS1

“...pada pendapat saya aktiviti asrama buat saya ikut peraturan dan masa yang telah ditetapkan. Saya juga berdisiplin dalam menjaga solat...” RB (8) MS2

PERBINCANGAN

Elemen persekitaran mempunyai kepentingan tersendiri dalam kehidupan MBPK Pendengaran. Disiplin dan tingkah laku merupakan antara aspek yang akan terkesan sekiranya berlaku perubahan pada persekitaran kehidupan seseorang individu. Tingkah laku merupakan satu tindakan atau perbuatan yang dilakukan sama ada secara verbal atau pun fizikal (Kirman, 2021). Persekitaran asrama membawa pengaruh dalam pembentukan disiplin dan tingkah laku penghuninya. Persekitaran asrama yang positif akan melahirkan individu yang berkelakuan positif. Kenyataan ini disokong oleh Bronfenbrenner (1979) yang menyatakan proses perkembangan seseorang individu hasil daripada interaksi individu tersebut dengan persekitaran mereka.

Melalui kajian yang dijalankan didapati responden mudah terpengaruh dengan rakan-rakannya ketika di asrama. Responden sanggup melakukan kesalahan disiplin jika diajak oleh rakannya. Kenyataan ini disokong oleh Zarina et al., (2017) pujukan rakan untuk melakukan kesalahan mempunyai kemungkinan yang tinggi untuk seseorang itu terlibat dalam kegiatan yang sama. Faktor persekitaran mempengaruhi individu dalam membentuk watak, sikap dan pembangun individu itu sendiri (Norhisham, 2017). Kenyataan ini selari dengan kenyataan yang diberikan oleh Ibnu Khaldun (2002) persekitaran menjadi teladan buat kanak-kanak dan mereka merupakan pemerhati yang baik. Oleh sebab itu mewujudkan persekitaran yang positif adalah sangat penting. Perbanyak aktiviti asrama yang boleh membentuk akhlak, tingkah laku dan disiplin yang baik.

Kajian ini dijalankan bagi mengekang masalah disiplin yang semakin meruncing dalam kalangan MBPK Pendengaran terutama mereka yang tinggal di asrama. Teori ekologi persekitaran perlu dikaji dengan lebih teliti sebagai panduan dalam mengkaji iklim asrama yang secara tidak langsung akan membentuk tingkah laku warganya (Raihan, 2020). Menurut Raihan (2020) lagi kajian tentang iklim dan persekitaran asrama penting kerana elemen inilah yang akan membentuk jati diri, tingkah laku dan disiplin warganya.

Daripada dapatan kajian dapat disimpulkan bahawa faktor persekitaran mempengaruhi perkembangan personaliti MBPK Pendengaran. Kenyataan ini disokong oleh Asmawati et.al (2015) yang menyatakan Teori Pavlov menjelaskan pengalaman awal dianggap penting tetapi dendaan daripada masyarakat lebih memberi kesan kepada pembentukan personaliti manusia. Menurut Haseena (2016), persekitaran pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi personaliti seseorang individu. Selain itu, Rozmi et al., (2017) juga menyatakan faktor persekitaran sosial adalah faktor yang paling kuat mempengaruhi tingkah laku dalam kalangan remaja. Penyataan ini turut disokong oleh Ulwan (2015) yang menyatakan antara metode pendidikan yang berkesan melalui keteladanan. Contoh dan teladan menjadi pendidikan terbesar dalam membentuk tingkah laku dan disiplin MBPK Pendengaran. Teori ekologi Ibnu Kaldun (1967, 1993) juga menitik beratkan amalan dalam membentuk tingkah laku dan disiplin seseorang. Sekiranya seseorang individu itu dikelilingi oleh orang-orang yang tinggi akhlaknya secara tidak langsung ketinggian akhlak orang sekelilingnya akan memberi pengaruh kepada individu terbabit. Begitu juga bakal berlaku kepada MBPK pendengar sekiranya mereka dikelilingi oleh persekitaran yang boleh menarik minat mereka untuk belajar sudah pastinya mereka akan menjadi MBPK Pendengaran yang menitik beratkan pembelajaran. Jika mereka dilatari dengan persekitaran yang penuh dengan sikap-sikap positif dan disiplin kendiri yang tinggi sudah pasti tingkah laku dan disiplin mereka akan bersifat positif.

Namun begitu pendapat ini disanggah oleh Kirman et al., (2021) yang berpendapat terdapat pelbagai faktor lain yang boleh mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Menurut Kirman lagi terdapat lima faktor utama yang mempengaruhi tingkah laku agresif seseorang pelajar sama ada lelaki atau perempuan. Antara faktor-faktor sosialisasi tersebut faktor media massa, faktor rakan sebaya, faktor diri sendiri, faktor sosialisasi keluarga dan faktor persekitaran sekolah.

Oleh yang demikian pihak asrama haruslah mewujudkan satu persekitaran yang positif supaya personaliti MBPK Pendengaran juga kekal positif. Menurut Ibn Khaldun (2002) persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Perbanyak aktiviti yang lebih menjana modal insan dan menerapkan nilai-nilai keagamaan serta kerohanian dalam diri MBPK Pendengaran supaya lahirlah MBPK pendengaran yang bersepada akhlaknya serta berintegriti. Menurut Raihan dan Shukri (2018) aktiviti yang dirancang oleh pihak pengurusan asrama perlulah mempunyai iklim yang positif dan dini untuk penghuni asrama. Usaha dan pengorbanan tenaga dituntut daripada guru-guru secara amnya dan warden-warden asrama khususnya bagi memastikan aktiviti ini dapat dilaksanakan dengan tersusun dan berkesan. Selain itu, kerjasama daripada ibu bapa juga diperlukan bagi memastikan aktiviti ini tidak terhad menjadi amalan MBPK Pendengaran ketika di asrama sahaja malahan dibawa sehingga ke rumah. Semoga usaha untuk melahirkan MBPK Pendengaran berpersonaliti positif serta berakhlaq menjadi kenyataan.

Kajian mengenai hubungan Teori Ekologi Bronfenbrenner tingkah laku dan disiplin pelajar asrama sangat terbatas. Terutamanya yang melibatkan MBPK Pendengaran, hampir tiada kajian mengenai tingkah laku dan masalah disiplin di asrama. Pengkaji terpaksa menyesuaikan kajian lampau yang melibatkan kanak-kanak tipikal.

Kajian ini boleh dilanjutkan dalam penyelidikan dengan meneliti secara terperinci terhadap perancangan aktiviti atau program yang bersesuaian dalam pembentukan tingkah laku

positif dan meningkatkan lagi disiplin MBPK Pendengaran. Kajian seumpama ini juga boleh diperluaskan dengan menggunakan metode kajian yang berbeza seperti menjalankan kajian secara empirikal kepada SKPK yang lain di seluruh Malaysia. Kajian ini juga boleh dilaksanakan sebagai satu kajian perbandingan antara asrama sekolah harian biasa dan asrama SKPK.

RUJUKAN

- A Madavan, Sasikala & Roslee Ahmad. 2003. Corak Asuhan Keluarga Dan Hubungan Dengan Pembentukan Personaliti Remaja Di Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai, Johor : Tesis Doktor Falsafah: Universiti Teknologi Malaysia.
- Asmawati Desa, Fatimah Yussoff, Zainah Ahmad Zamani, Nor Ba'yah Abdul Kadir & Mohd Norahim Mohamed Sani. 2015. Kemahiran keibubapaan, kefungsian keluarga dan kesejahteraan psikologi dalam kalangan ibubapa. *Jurnal Psikologi Malaysia* 29(2): 32-42.
- Bandura, A. 1977. *Social learning theory*. New jersey: Prenticehall. Inc. Englewood cliffs.
- Berk, L. E., & Petersen, A. 2004. *Development through the lifespan*. Boston, MA: Allyn and Bacon.
- Berne, E. 1968. *Games people play: The psychology of human relationships*. UK: Penguin Uk.
- Bronfenbrenner, U. 1989. *Ecological systems theory*. *Annals of Child Development* 6: 187-249.
- Bronfenbrenner, U. & Condry Jr, J. C. 1970. *Two worlds of childhood: US and USSR*. t.t.p.: Simon & Schuster
- Bronfenbrenner, U. 1975. Reality and research in the ecology of human development. *Proceedings of the American Philosophical Society*, pp. 119(6), 439-469.
- Bronfenbrenner, U. 1977. Toward an experimental ecology of human development. *American psychologist* 32(7): 513.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The ecology of human development: Experiments by nature and design*. UK: Harvard university press.
- Bronfenbrenner, U. 1986. Ecology of the family as a context for human development: Research perspectives. *Developmental psychology* 22(6): 723.
- Bronfenbrenner, U., Husen, T., & Postlethwaite, T. N. 1994. International encyclopedia of education. *Ecological models of human development* 3: 37-43.
- Cain, S. 2013. *Quiet: The power of introverts in a world that can't stop talking*. t.t.p.: Broadway Books.
- Eysenck, H. 1965. *Dimensions of personality*. London : Routledge and Kegan Paul.
- Haseena Banu Abdul Kalam. 2016. Pengaruh Persekutaran sosial terhadap tingkah laku disiplin murid sekolah rendah di Klang, Selangor, Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Sains: Universiti Putera Malaysia.
- Ibn Manzur. 2003. *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadr.
- Izzah Nur Aida Zur Raffar & Salasiah Hanin Hamjah. 2015. Personaliti bapa daripada perspektif Islam. *GJAT* 15(2): 89-97.
- Khaldun, I. 2002. *Mukadimah Ibn Khaldun* (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Muhamad, N. 2018. Pengaruh Ansyiyah (aktiviti) terhadap pembentukan akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA). *Sains Humanika* 10: 3-4.
- Niken Ristianah. 2017. Tarbiyah Al-Aulad Fi Al-Islam Perspektif Abdullah Nashih Ulwan. *Intizam, Jurnal Manajemen Pendidikan Islam* 1(1): 23-34.
- Norsahida Sakira Kirman, Mohammad Mujaheed Hassan, Farah Husna Anwar, Azlina Mohd Khir & Wan Munira Wan Jaafar. 2021. Faktor Sosialisasi dalam Mempengaruhi Tingkah Laku Individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(1): 106-118.
- Raihan Mohd Arifin & Kamarul Shukri Mat Teh. 2020. Pengintegrasian teori persekitaran Islam dan Barat dalam membentuk iklim dini. *Jurnal Refleksi Kepemimpinan* 3: 86-95.
- Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, & Madiawati Mamat. 2020. Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi Engkaulah Adiwiraku. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* 11: 31-45.
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim & Salina Nen. 2017. Pengaruh Faktor Individu, Keluarga, dan Persekutaran Sosial terhadap Tingkah-Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja. Tesis Doktor Tidak Diterbitkan. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM.
- Slater, A. E., & Bremner, A.G 2017. *An introduction to developmental psychology: BPS textbooks in psychology*.3rd Edition. London: John Wiley & Sons.companies, Inc.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2017. Peranan guru Pendidikan Islam dalam pembinaan sahsiah pelajar: satu tinjauan awal terhadap guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu. *Journal of Islamic Educational Research* 2(2): 36-53.
- Ulwan, Abdullah Nasih. 1994. *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*. Kaherah: Dar al Salam.